

01/09/2001

Jefrey, Admi, Tommy juara keseluruhan

KERETA TVR Chimaera yang dipandu Jeffrey Wong, Admi Shahrul dan Tommy Lee muncul juara keseluruhan Perlumbaan Lasak 12 Jam Merdeka Milenium 2001 di Litar Lumba Kereta Sepang, semalam.

Dalam perlumbaan yang bermula tengah malam kelmarin, pelumba yang beraksi dalam kategori A, menghabiskan 250 pusingan pada litar sejauh 5.543km itu dengan 12 jam 00 minit 20.130 saat.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyampaikan hadiah kepada pemenang.

Dr Mahathir kemudian memandu kereta Proton Waja yang mendapat tempat kedua dengan mengelilingi trek. Kereta Proton Waja itu dipandu Faizal Hakimi, Yeo Tee Eong dan Phua Chai Chong.

Trio itu mencatat masa 12:00:35.893s, ketinggalan lima pusingan di belakang pemenang tempat pertama.

Kejayaan semalam adalah yang kedua berturut-turut buat Tommy yang tahun lalu berpasangan dengan pemandu tempatan, Karamjit Singh dan Jimmy Low, memandu kereta Proton Pert memenangi perlumbaan pertama ini.

"Strategi kami ialah menyaingi kereta lain. Dalam perlumbaan lasak seperti ini yang penting bukan setakat pecutan, tetapi berada pada kedudukan yang baik. Strategi ini nyata berjaya," kata Tommy.

Sementara itu, Admi berkata: "Pada mulanya agak sukar untuk menduduki tempat yang baik. Tetapi tugas itu kemudian bertambah mudah selepas beberapa pusingan, apatah lagi apabila beberapa pasukan tidak dapat meneruskan perlumbaan."

Tempat ketiga dimenangi Chin Jit Pying, Gerard Monteiro dan Rocky Siow yang memandu Subaru GTi dengan 12:02:07.509s dan menghabiskan 241 pusingan. - Bernama